

# Pelanggan Tabung Haji gembira

## Pendeposit tetap puas hati walaupun kenaikan bonus tidak tinggi

Oleh Faizatul Farhana  
Farush Khan

bhnews@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Rata-rata pendeposit Tabung Haji menyambut baik pembayaran bonus sebanyak enam peratus yang diberikan agensi itu kepada seramai 6.96 juta pendeposit bagi 2011.

Pekerja swasta, Izat Mat Zain, berkata bonus berkenaan amat bagus dalam menghargai usaha pendeposit mengumpul wang dan memastikan simpanan mereka bertambah.

"Walaupun mungkin ada yang menganggapnya pertambahan kecil berbanding tahun lalu, ia menunjukkan Tabung Haji sentiasa komited dalam menghargai pendeposit.

"Lebih baik ada biarpun kecil daripada langsung tidak ada," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Guru, Sudirman Sulaiman berkata, kenaikan dividen itu dilihat mampu mendorong pendeposit untuk terus menambah dana mereka bersama akaun agensi berkenaan.

"Sebagai seorang pemegang akaun Tabung Haji, saya sambut baik kenaikan ini.

"Cuma diharap pada tahun depan, Tabung Haji dapat memberikan bonus lebih tinggi memandangkan prestasi kewangannya dilihat sentiasa kukuh," katanya.

Bagi Faizal Mustapa, pemberian itu perlu diterima dengan senang hati, disyukuri dan jangan dipertikaikan mana-mana pihak kerana ia adalah bonus, bukan kewajipan.

"Saya yakin, ia mampu menarik orang ramai yang belum membuka akaun bersama agensi ini untuk menyimpan dan menggalakkan pendeposit untuk terus melabur," ujarnya.

Kakitangan swasta, Faridah Hassan, berpendapat, pendeposit harus bersyukur dengan pemberian berkenaan walaupun kenaikannya tidak begitu tinggi kerana apa yang penting, mereka tetap menerima bonus.

"Alhamdulillah, sebagai penyimpan Tabung Haji, saya bersyukur dan gembira dengan bonus diterima," katanya.



Izat Mat Zain



Faizal Muctana



Esidah Hassan